

Isu Yahudi: Bush nyatakan pendirian kepada Dr. M

UM 2 1 OCT 2003

BANGKOK 20 Okt. — Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush menarik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke tepi pada waktu sampingan Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini hari ini untuk menyatakan pendiriannya yang tidak bersetuju dengan kenyataan Dr. Mahathir bahawa “Yahudi memerintah melalui proksi dan mereka meminta pihak lain berlawan dan mati untuk mereka”.

Menurut jurucakap White House, Scott McClellan, Bush memberitahu Dr. Mahathir bahawa kenyataannya adalah salah dan bersifat memecah belah.

McClellan berkata, Bush menarik Dr. Mahathir untuk menyatakan pendiriannya itu pada waktu sampingan antara mesyuarat pada sidang kemuncak APEC tersebut.

Katanya, pada pertemuan bersemuka itu, Bush memberitahu Dr. Mahathir bahawa kenyataan beliau (Dr. Mahathir) adalah bertentangan dengan kepercayaan Bush.

Semasa berucap pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Putrajaya minggu lalu Dr. Mahathir berkata, Eropah membunuh enam juta daripada 12 juta orang Yahudi tetapi hari ini Yahudi memerintah dunia menerusi proksi.

Isu Yahudi: Bush nyatakan pendirian kepada Dr. M

UM 2 1 OCT 2003

Dr. Mahathir juga berkata, sebanyak 1.3 bilion umat Islam di dunia tidak mungkin boleh ditekankan oleh hanya beberapa juta orang Yahudi.

Kenyataan Perdana Menteri itu mendapat kecaman antarabangsa, termasuk daripada negara-negara Barat, Kesatuan Eropah, (EU) dan Australia. Beliau kemudian segera dituduh berpendirian anti Yahudi.

Bagaimanapun Dr. Mahathir menegaskan, niatnya adalah untuk menggalakkan umat Islam supaya menghentikan keganasan dan sebaliknya memikirkan semula strategi mereka supaya dihormati dan mendapat kedudukan lebih baik di dunia ini.

Terdahulu Penasihat Keselamatan Negara AS, Condoleeza Rice berkata, Bush mengecam kenyataan Perdana Menteri dan menyifatkannya sebagai keterlaluan dan menimbulkan kebencian.

“Bush berpendapat kenyataan itu patut dikeji,” kata Rice pada hari pembukaan APEC yang dihadiri Dr. Mahathir dan Bush di sini.

Rice juga berpendapat kenyataan pemimpin Malaysia itu mencetuskan lagi tindakan keganasan.

White House hari ini juga menggesa agar Bush mengutuk Dr. Mahathir secara terbuka berhubung kenyataan beliau.

“Ini bukan kali pertama beliau mengeluarkan ulasan buruk berhubung Yahudi dan kenyataan terbaru itu mengandungi perasaan benci terhadap kaum Yahudi,” kata jurucakap White House, Scott McClellan kepada para pemberita.

Ditanya sama ada Bush akan menyangkal dakwaan Dr. Mahathir secara terbuka sewaktu Sidang Kemuncak APEC, McClellan berkata:

“Anda semua seolah-olah mahu menjadikan ia sebagai kenyataan para pemimpin (APEC).” — Agensi